

**PEMAKLUMAN PELUANG MENYEMAK ARAH KIBLAT  
BERPANDUKAN FENOMENA ISTIWA A'DZAM  
PADA 15 JULAI 2024 M / 9 MUHARAM 1446H ( ISNIN )  
JAM : 5.27 PETANG DI NEGERI PERAK**

Arah kiblat adalah syarat sah dalam pelaksanaan ibadat solat yang wajib. Umumnya penetapan arah kiblat boleh ditentukan berdasarkan ijtihad berpandukan kedudukan buruj atau matahari. Ia juga boleh ditentukan dengan menggunakan peralatan seperti kompas dan tongkat istiwa.

Salah satu dari kaedah penentuan kiblat yang tepat ialah fenomena Istiwa A'dzam. Fenomena Istiwa A'dzam adalah fenomena di mana kedudukan matahari berada tepat atau rembang di atas kaabah pada waktu tengahari di Mekah. Fenomena ini akan menyebabkan bayang yang wujud di lokasi-lokasi lain ketika itu menunjukkan tepat ke arah kiblat. Ini kerana kedudukan matahari berada selari dengan arah kiblat.

Umumnya fenomena ini biasanya berlaku di Malaysia pada :

1. 28 Mei jam 5.16 petang.
2. 16 Julai jam 5.28 petang

Namun oleh kerana pada tahun 2024 adalah tahun lompat, maka ia berlaku lebih awal, sesuai dengan kedudukan matahari iaitu pada :

1. 27 Mei jam 5.18 petang.
2. 15 Julai jam 5.27 petang

Maka disarankan kepada seluruh umat Islam di negeri Perak [ juga di seluruh Malaysia] menggunakan peluang pada kali ini untuk menyemak arah kiblat terutama di rumah masing-masing. Moga dengan itu arah kiblat yang tepat akan diperolehi.

Sekian, dimaklumkan.

Disediakan :  
Bahagian Falak,  
Jabatan Mufti Negeri Perak


## INFO FALAK 2024

جابتن مفتي نكري فيراق دارالرضوان  
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Peluang Semak Arah Kiblat

# Istiwa A'dzam

Ia akan berlaku ketika nilai sudut istiwa matahari akan bersamaan dengan nilai latitud Mekah, di mana kaabah terletak. Ketika fenomena ini berlaku, bayang objek tegak di seluruh dunia akan membetuli arah Kiblat.



Biasanya peristiwa matahari istiwa ( rembang ) di atas Kaabah berlaku dua kali setahun. Fenomena ini berlaku mengikut waktu tempatan di Malaysia pada:

1. 27 Mei jam 5.18 petang.
2. 15 Julai jam 5.27 petang